

TARIKH	7 / 2 / 2014	SEKSYEN	BERITA HARIAN
MUKA SURAT	B5	RUANGAN	BISNES

## Bank Islam sasar pembiayaan meningkat

» Pertumbuhan 20 peratus mampu dicapai hasil pengenalan produk untuk PKS

Oleh Zuraidah Mohamed  
zmohamed@bh.com.my

**B**ank Islam Malaysia Bhd (Bank Islam) merancang mengukuhkan lagi kedudukannya dalam pembiayaan berlandaskan syariah, dengan menyasarkan pertumbuhan aset pembiayaan sehingga 20 peratus tahun ini.

Pengarah Pembangunan Perniagaannya, Khairul Kamarudin, berkata dengan jangkaan persekitaran ekonomi yang lebih baik tahun ini, Bank Islam menjangkakan pertumbuhan aset pembiayaan itu akan dipacu oleh produk pembiayaan runcit.

Katanya, bank itu juga bercadang memperkenalkan produk baru yang lebih memenuhi keperluan pelanggannya tahun ini, yang cenderung kepada sektor perusahaan kecil dan sederhana (PKS) serta individu.

"Kami menyasarkan pertum-



Khairul (kanan) menyampaikan cek RM1 juta kepada Mohd Suhaimi dan Salomah pada Kempen Al-Awfar 'Dream of a Lifetime', di Petaling Jaya, semalam sambil diperhatikan Ketua, Bahagian Pengguna Perbankan, Bank Islam, Mujibburrahman Abd Rashid (kiri).

buhan aset pembiayaan sebanyak 20 peratus tahun ini yang akan dipacu oleh segmen runcit iaitu daripada pembiayaan individu, gadai janji dan pembiayaan perumahan.

"Walaupun terdapat sedikit kelembapan daripada segmen pembiayaan perumahan, namun ia hanya memberikan kesan yang

sedikit memandangkan Bank Islam amat tegas dalam penajaan jaminannya.

### Tingkat pendapatan berasas yuran

"Selain daripada segmen runcit, Bank Islam juga merancang untuk meningkatkan sumbangan penda-

patan berasaskan yuran yang diperoleh daripada produk kad debit dan yuran transaksi yang ketika ini amat menggalakkan," katanya.

Beliau berkata pada sidang media selepas majlis penyampaian hadiah wang tunai sebanyak RM1 juta kepada pemenang cabutan Kempen Al-Awfar 'Dream of

a Lifetime' anjuran Bank Islam di Petaling Jaya, semalam.

Khairul berkata, Bank Islam yang kini mempunyai 133 cawangan di seluruh negara akan meneruskan rancangan pengembangannya tahun ini dengan membuka sekurang-kurangnya lima cawangan baru tahun ini.

"Kami akan membuka sekurang-kurangnya lima lagi cawangan Bank Islam tahun ini termasuk di Bandar Sri Damansara, Kota Bharu dan beberapa lagi di sekitar Lembah Klang," katanya.

Mengenai Kempen Al-Awfar 'Dream of a Lifetime', hadiah utama berjumlah RM1 juta itu telah dimenangi oleh Mohd Suhaimi Abdullah, 53, seorang juruteknik Tenaga Nasional Bhd (TNB) dari Gurun, Kedah.

Seorang lagi pemenang cabutan bulan Al-Awfar dimenangi oleh Salomah Md Yusof, dari Chemor yang membawa pulang tunai RM100,000.

Cabutan sejuta ringgit itu telah dibuka penyertaannya kepada pelanggan baru dan sedia ada Bank Islam. Untuk melayakkan diri memenangi hadiah utama itu, pelanggan baru perlu membuka akaun Al-Awfar dengan deposit minimum sebanyak RM1,000.